



TUAN KU Syed Sirajuddin menyerahkan sebuah folder kepada Menteri Besar Perlis kepada Azlan, semalam.

# 'SAYA BIMBANG SALAH PILIH MB'

■ Raja Perlis murka tindakan 9 ADUN tak hadir istiadat

#M/25 5-11-8/10/2/As. R. R. R. R.

Muhammad Mustakim Ramli  
dan Alzat Sharif  
cnews@nstp.com.my

Aran

**R**aja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail murka dengan tindakan sembilan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) tidak hadir pada majlis istiadat dan angkat sumpah Menteri Besar Perlis, semalam.

Baginda nyata kecewa kerana semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) terbabit berada di Perlis ketika jempunan dihantar kepada mereka dua hari lalu.

"Ini adalah kepentingan setengah puak, segan untuk saya sebut nama tetapi tuan-tuan pun tahu siapa. Hari ini (semalam) sebilangan besar mereka tidak hadir. Sebab apa (tidak hadir) saya pun ti-

dak tahu, sedangkan jempunan dibuat dua hari lalu dan mereka masih berada di Perlis ketika itu.

"Sekarang (semalam) mereka berada di Kuala Lumpur, semalam (kelmarin) mereka pergi menaiki kapal terbang. Ini berdasarkan laporan yang saya terima," titah baginda pada majlis istiadat dan angkat sumpah ADUN Bintang Datuk Seri Azlan Man, 60 sebagai Menteri Besar di Istana Arau, di sini, semalam.

Raja Perlis bertitah, sehingga malam kelmarin, baginda masih memikirkan siapa bakal menjadi Menteri Besar susulan terdapat dua nama yang di fikiran baginda.

"Seorang (calon) yang menjadi Menteri Besar sebelum ini kerana saya mahu pembangunan yang ada dan dirancang dapat diteruskan demi kepentingan rakyat dan saya tidak mahu ia terhenti.



AZLAN mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Perlis untuk penagal kedua.

foto: AMRAN HAMID DAN ROSDAN WAHID



DR Shahidan (tengah) bersama ADUN BN dan penyokong pada sidang media di Ibu pejabat UMNO, Menara Dato Onn, semalam



AZLAN memandatangani wafatku pelantikan



**Arau**

**Azlan pegang jawatan penggal kedua**

**Hm/25-5-18/11/19/PS - Duluik**  
Datuk Seri Azlan Man sah Menteri Besar Perlis untuk penggal kedua apabila mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di Balai Menghadap, Istana Arau di sini semalam.

Istiadat mengangkat sumpah jawatan itu berlangsung di hadapan Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail jam 11.10 pagi.

Azlan Man, 60, yang juga

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bintong dilantik Menteri Besar Perlis bagi penggal kedua selepas Barisan Nasional (BN) berjaya mempertahankan negeri itu pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

PRU14 menyaksikan BN berjaya meraih 10 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), manakala Pakatan Harapan (PH) hanya tiga kerusi dan PAS dua kerusi.

**Arau**

**Mahu jumpa pemangku Pengerusi BN**

**Hm/25-5-18/11/19/PS - Duluik**  
Menteri Besar Perlis Datuk Seri Azlan Man akan bertemu kepimpinan tertinggi Barisan Nasional (BN) bagi mendapatkan pandangan dan panduan berhubung pelantikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dalam masa terdekat.

Azlan yang mengangkat sumpah jawatan itu untuk penggal kedua berkata, beliau akan berbincang dengan pemangku Pengerusi BN Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan timbalan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein bagi mendapatkan pandangan dan panduan berhubung perkara itu.

Ia susulan tindakan sembilan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) BN negeri itu memboikot Majlis Istiadat dan Angkat Sumpah Menteri Besar Perlis di Istana Arau, semalam.

Azlan berkata, beliau akan mendapatkan pandangan kepimpinan BN bagi memastikan segala kerja dan perkhidmatan kepada rakyat dapat diteruskan.

"Saya perlu bertemu dengan mereka (Zahid dan Hishammuddin) untuk mendapatkan pandangan

dan panduan berkenaan pelantikan Exco.

"Dalam pertemuan itu juga, saya akan memberikati pandangan saya terhadap formula terbaik yang membolehkan pelantikan barisan Exco dapat dilaksanakan untuk membentuk kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis berkenaan di Istana Arau, di sini semalam.

Katanya, beliau menjunjung amanah yang diberikan Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang memberikan kepercayaan kepadanya untuk menerajui kerajaan Perlis bagi penggal kedua.

"Pada saya, ini adalah amanah serta tanggungjawab yang besar untuk menjalankan tugas sebagai Menteri Besar kerana kita tahu Perlis kini sudah menjadi negeri pembangkang.

"Oleh demikian, segala agenda pembangunan yang dititahkan oleh Tuanku akan diteruskan supaya dapat memberikan faedah kepada rakyat.

"Diharapkan saya mendapat sokongan daripada semua ADUN terutama BN untuk membantu melaksanakan agenda pembangunan di negeri ini," katanya.

**“Ini adalah amanah serta tanggungjawab yang besar untuk menjalankan tugas sebagai Menteri Besar”**

Azlan



**PERLIS**

Jumlah Penduduk

**260,000**

Anggaran pada 2017

Sumber: Jabatan Statistik dan Perangkaan Malaysia

Anggaran Pertumbuhan Populasi Tahunan

**0.5** peratus

Keluaran Dalam Negeri Kasar (2016)

**RM5.1 bilion**

**PILIHAN RAYA UMUM KE-14**

Parti Politik	Kerusi DUN	Kerusi Parlimen
	<b>10</b>	<b>2</b>
	<b>2</b>	<b>0</b>
	<b>3</b>	<b>1</b>

**AKTIVITI EKONOMI**

Pengeluaran hasil pertanian mangga jenis Harumanis bernilai **lebih RM60 juta** (anggaran 2016)

Pembuatan: **RM416 juta**

Pembinaan: **RM172 juta**

Perlombongan dan kuari: **RM37 juta**

GRAFIK TAHUNAN METRO: FAHMY HUSSEIN



AZLAN (empat dari kiri) beramah mesra dengan ADUN Pakatan Harapan.

dian dikawal pihak lain. "Seperti tuan-tuan dengar tadi (semalam) sumpah Menteri Besar, beliau tidak boleh beritahu dan berbincang selain daripada mereka yang berada di dalam kabinet, tidak boleh keluar rahsia langsung. "Tetapi kalaulah adik jadi Menteri Besar tentu dia akan beritahu kepada abang. Saya tidak mahu, saya berterus terang tidak mahu orang luar mengawal Menteri Besar.

"Kalau Shahidan (Datuk Seri Dr Shahidan Kassim) nak (jawatan Menteri Besar) patutnya dia bertanding di DUN tetapi dia bertanding di Parlimen, ini yang jadi masalah. Saya tidak mahu rahsia dalam diketahui luar," titah baginda. Baginda bertitah, pada mu-

lanya baginda hanya menaruh syak wasangka, namun apa yang berlaku semalam 100 peratus benar.

"Sembilan wakil rakyat BN tidak hadir kerana dikawal seseorang, tarik semua ke Kuala Lumpur dan tidak hadir majlis ini.

"Ini yang saya bimbang dari awal dan hari ini (semalam) syak wasangka saya betul. Ini hanya perkara kecil, kalau dibiar-kan, lebih daripada ini boleh berlaku.

"Silap pilih Menteri Besar, cuma satu kumpulan saja yang memperoleh faedah," katanya.

"Seorang lagi calon pula mempunyai hubung kait dengan Pengerusi Perhubungan UMNO (Perlis). Apabila saya berjumpa semua wakil rakyat BN, mereka ini lebih patuh (kepada kepimpinan UMNO) yang di negeri daripada (kepimpinan) yang di Pusat.

"Ya seperti ada grip (pegangan) lain, saya bimbang takut salah pilih Datuk Ismail Kassim. Saya takut pilih Menteri Besar yang akan menjadi pup- pet (boneka)," titah baginda.

Raja Perlis bertitah, baginda tidak mahu individu yang dilantik Menteri Besar kemu-